

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ



INTERNATIONAL ISLAMIC
UNIVERSITY LIBRARY

ORDER NO: 6147

LOCATION:

DATE RECEIVED: 6/9/01 M.


ACC. NO: 128751

CALL NO:

*Nun Demi Pena dari Apa Yang Mereka Tulis
(maksud Al Quran, Ayat 1, Surah Al Qalam)*

DECLARATION OF AUTHOR'S RIGHTS

The copyright of this thesis belongs to the author under the terms of the Copyright Act, 1987 (Act 332) Due acknowledgement must always be made of the use of any material contained in, or derived from this thesis.



SYURA DI DALAM PEMERINTAHAN ISLAM:
SUATU PERBANDINGAN DENGAN SISTEM DEMOKRASI
BERPARLIMEN

O
L
E
H

WAN MOHD ZAKRI BIN WAN MOHD

LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT
MEMPEROLEHI DIPLOMA UNDANG-UNDANG
DAN PENTADBIRAN KEHAKIMAN ISLAM


KULIYAH UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA
1991/92

PENGAKUAN

"SAYA AKUI KARYA INI ADALAH HASIL
KERJA SAYA SENDIRI KECUALI
NUKILAN-NUKILAN DAN RINGKASAN-
RINGKASAN YANG TIAP-TIAP SATUNYA
TELAH SAYA JELASKAN SUMBERNYA".

21/6/92

TARIKH



WAN MOHD ZAKRI BIN WAN MOHD

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Bismillah - rahmanir - rahim

(Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih dan Penyayang)

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah kerana dengan keizinan serta kasih dariNya, maka saya telah diberi kekuatan untuk menyiapkan Latihan Ilmiah ini dengan serba kesederhanaan.

Sehubungan dengan ini, saya ingin merakamkan penghargaan khas buat yang berbahagia Dr. Kassim sebagai pembimbing saya serta di atas segala panduan, bimbingan, nasihat dan cadangan beliau kepada saya di dalam menyempurnakan latihan ilmiah ini.

Catatan penghargaan seterusnya dirakamkan buat kesemua pensyarah-pensyarah Diploma Undang-Undang Dan Pentadbiran Kehakiman Islam dan khasnya buat Prof. Dr. Mahmud Saedon kerana banyak memberikan saya nasihat, teguran dan perangsang serta semangat sepanjang saya mengikuti program Diploma ini..

Sekalung penghargaan saya persembahkan buat seluruh keluarga saya, ayahanda dan bonda, isteri dan anak tercinta serta kakak dan adik tersayang.

Terimakasih setinggi-tingginya ditujukan buat Jabatan Perkhidmatan Awam (J.P.A.) kerana telah membiayai pengajian saya selama dua tahun di universiti ini.

Akhir kata, semoga usaha yang tidak seberapa ini diterima di sisi Allah sebagai suatu ibadat.

WAN MOHD ZAKRI BIN WAN MOHD
303, Kampung Merchang,
21610 Terengganu Darul Iman.

SINOPSIS

Latihan Ilmiah ini adalah merupakan suatu perbincangan mengenai syura di dalam pemerintahan Islam. Walau bagaimanapun penulis juga membawa beberapa perbandingan di antara syura dengan sistem demokrasi berparlimen sebagaimana yang diamalkan di negara kita pada hari ini. Tujuannya ialah untuk melihat dengan lebih dekat mengenai persamaan dan perbezaan di antara kedua-dua sistem tersebut. Latihan Ilmiah ini dibahagikan kepada empat bahagian. Bab pertama penulis membincangkan tentang negara Islam dari segi definisi, ciri-ciri negara Islam dan perlembagaan di dalam sesebuah negara Islam. Dalam bab kedua, penulis membincangkan pula mengenai sistem syura di dalam pemerintahan sesebuah negara Islam dari segi definisi, cara pelaksanaan serta bidang kuasa. Bab ketiga, penulis membawa perbincangan mengenai sistem demokrasi berparlimen dari segi definisi serta ciri-ciri dan konsep yang terdapat di dalam sistem tersebut. Turut dibincangkan juga mengenai kebaikan dan kelemahan sistem tersebut. Manakala bab keempat, penulis membuat suatu perbandingan di antara sistem syura dengan sistem demokrasi berparlimen dan pelaksanaannya di dalam sesuatu pemerintahan.

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
SINOPSIS	iii
KANDUNGAN	iv
PENDAHULUAN	vii

BAB I	:	NEGARA ISLAM	1
-------	---	--------------	---

1.1	Pendahuluan
1.2	Definisi Negara Islam
1.3	Ciri-ciri Negara Islam
1.4	Perlembagaan Negara Islam
1.4.1	Undang-Undang Dasar Negara Islam
1.4.2	Prinsip Pemerintahan Islam
1.4.3	Perlembagaan Madinah Sebagai Asas Perlembagaan Islam
1.5	Keistimewaan Undang-Undang Islam

BAB II	:	SYURA DI DALAM PEMERINTAHAN ISLAM	15
--------	---	-----------------------------------	----

2.1	Pendahuluan
2.1.1	Definisi Syura
2.1.2	Syura Dalam Pemerintahan
2.1.3	Perlaksanaan Sistem Syura
a.	Keanggotaan Syura
b.	Tempoh Perkhidmatan Anggota
c.	Kriteria Ahli al-Halli wa al-Aqdi
2.1.4	Bidangkuasa Syura
2.1.5	Cara Membuat Keputusan

BAB III : SISTEM DEMOKRASI BERPARLIMEN 34

- 3.1 Pendahuluan
- 3.2 Definisi Demokrasi
- 3.3 Sejarah Kelahiran Demokrasi Berparlimen
- 3.4 Ciri-Ciri Demokrasi
 - 3.4.1 Ciri-Ciri Politik
 - a. Kekuasaan Rakyat
 - b. Konsep Majoriti
 - c. Perwakilan
 - d. Pilihanraya Bebas
 - e. Kerajaan Berperlembagaan
 - 3.4.2 Ciri-Ciri Sosial
 - a. Persamaan
 - b. Kebebasan
- 3.5 Konsep Demokrasi Berparlimen
 - 3.5.1 Bentuk Demokrasi Berparlimen
 - 3.5.2 Fahaman Demokrasi Berparlimen
 - 3.5.3 Struktur Demokrasi Berparlimen
- 3.6 Kebaikan dan Kelemahan Demokrasi
 - 3.6.1 Kebaikan Demokrasi
 - 3.6.2 Kelemahan Demokrasi

BAB IV : PERBANDINGAN ANTARA SYURA DENGAN DEMOKRASI BERPARLIMEN 55

- 4.1 Pendahuluan
- 4.2 Konsep Agama Dan Negara
- 4.3 Parti Politik
- 4.4 Sistem Pilihanraya Dan Pencalonan Piliharaya
- 4.5 Ketua Negara Serta Peranan Rakyat
- 4.6 Kuasa Parlimen Dan Majlis Syura Serta Cara Membuat Ketetapan
- 4.7 Konsep Kedaulatan
- 4.8 Matlamat Pemerintahan

PENUTUP	73
BIBLIOGRAFI	78

PENDAHULUAN

Bersyukur kepada Allah (s.w.t) kerana dengan petunjuk dan hidayahNya serta pertolongannya penulis dapat menyempurnakan tugas yang diberikan oleh pihak Universiti Islam Antarabangsa untuk membuat satu latihan ilmiah yang bertajuk "Syura Di Dalam Pemerintahan Islam: Suatu Perbandingan Dengan Sistem Demokrasi Berparlimen". Latihan ilmiah ini adalah memenuhi sebahagian dari syarat-syarat untuk mendapatkan Diploma Undang-Undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam dari Kuliyyah Undang-Undang, Universiti Islam Antarabangsa.

Di dalam latihan ilmiah ini, penulis membincangkan tentang kedudukan dan pelaksanaan sistem syura di dalam sesuatu pemerintahan khususnya di dalam pemerintahan Islam. Oleh yang demikian, penulis terlebih dahulu membawa perbincangan mengenai definisi sesebuah negara Islam kerana perbincangan yang seterusnya adalah berkaitan dengan suatu sistem pemerintahan yang dijalankan di dalam sesebuah negara. Untuk lebih memahamkan lagi, penulis membuat suatu perbandingan di atas sistem syura dengan sistem demokrasi berparlimen kerana negara kita pada hari ini mengamalkan sistem demokrasi berparlimen di dalam menjalankan pemerintahan. Untuk menyempurnakan latihan ilmiah ini, penulis menggunakan sumber-sumber daripada hasil pembacaan dan rujukan-rujukan daripada buku-buku Melayu, Arab dan Inggeris.

Seluruh latihan ilmiah ini dibahagikan kepada empat bab. Bab pertama menghuraikan tentang definisi sebuah negara Islam serta ciri-ciri dan perlembagaan yang terdapat pada sesebuah negara Islam. Ini adalah penting kerana apabila wujud sesebuah negara, maka wujudlah pemerintahan dan jenis-jenis pemerintahan yang dilaksanakan. Ini adalah kerana perbincangan di dalam bab yang seterusnya adalah mengenai sistem yang diamalkan di dalam sesebuah negara atau pemerintahan.

Di dalam bab kedua, penulis membincangkan tentang sistem syura di dalam pemerintahan Islam. Dalam bab ini, penulis membincangkan dari segi definisi syura itu sendiri dan bagaimanakah pelaksanaan sistem ini dilaksanakan di dalam sesebuah negara Islam. Penulis juga melihat dari sudut bidangkuasa yang ada pada majlis syura tersebut.

Di dalam bab ketiga, penulis membincangkan pula berkenaan sistem demokrasi berparlimen. Dalam perbincangan bab ini, penulis membawa perbincangan dari segi definisi dan

ciri-ciri sistem tersebut. Ciri-ciri tadi termasuklah ciri-ciri politik dan ciri-ciri sosial. Penulis juga turut membincangkan dari segi kebaikan dan kelemahan sistem demokrasi berparlimen ini.

Seterusnya dalam bab keempat iaitu bab yang terakhir penulis membawa suatu perbandingan di antara syura dengan demokrasi berparlimen.

Bahagian penutup kepada latihan ilmiah ini adalah kesimpulan kepada perbincangan-perbincangan di dalam bab-bab yang terdahulu dan pendapat serta cadangan dari penulis sendiri. Menyentuh tentang pandangan serta cadangan ini, penulis cuba membawa perhatian ke arah memperbaiki dan membentuk suatu sistem pemerintahan yang lebih baik dan adil serta mencontohi apa yang telah diamalkan oleh pemerintah-pemerintah Islam yang agung di masa silam disamping membentuk suatu pemerintahan yang mendapat keredhaan daripada Allah (s.w.t).

WAN MOHD ZAKRI BIN WAN MOHD
Diploma Undang-Undang Dan Pentadbiran
Kehakiman Islam,
Kulliyah Undang-Undang,
Universiti Islam Antarabangsa.
Sesi 1991/92.

BAB I

KONSEP NEGARA ISLAM

1.1 Pendahuluan

Apabila kita memperkatakan tentang 'negara' dan 'Islam', maka kita seharusnya membincangkan tentang fitrah dan hak asasi manusia sebagai makhluk Allah. Dalam kehidupan bermasyarakat, perlu ada satu sistem yang dapat ditaati bersama dan sistem itu hendaklah ditegakkan oleh suatu pemerintahan yang disebut sebagai negara. Maka dalam meletakkan Islam sebagai dasar dan tingkahlaku kehidupan bernegara, umat Islam seharusnya kembali kepada al-Quran dan al-Sunnah sebagai petunjuk dalam memimpin sesebuah negara.

Walau bagaimanapun, cita-cita bernegara Islam tidaklah memadai dengan 'nama' atau 'lebel' Islam yang dipaparkan. Sesebuah negara itu belum dapat diakui sebagai 'Negara Islam' selagi persoalan isi serta dasar yang didokong oleh sesebuah negara itu belum bertepatan dengan pengertian yang dikehendaki oleh Din al-Islam.

Ibn. Khaldun tidak memberi pengertian yang jelas tentang negara. Beliau cuma menghuraikan tentang negara dari segi kemasyarakatan, iaitu sejak masyarakat itu wujud dan berkembang. Namun demikian daripada penghuraiannya itu dapat dibuat kesimpulan bahawa, "...negara adalah hasil semulajadi dari kehidupan manusia, di mana kehidupan manusia itu memerlukan

kemasyarakatan dan organisasi. Dan kemasyarakatan manusia itu adalah suatu yang mesti ".¹

Ahli sosiologi moden mengatakan bahawa asas bagi kelahiran dan pembentukan negara ditentukan oleh kesemulajadian keadaan. Sementara itu nilai ukur dalam menentukan kesemulajadian sesebuah negara adalah bergantung erat kepada kemahuan, kehendak dan tindakan daripada individu masyarakat.

Mengikut undang-undang antarabangsa, wilayah tertentu tidak perlu bagi sesebuah negara,² tetapi apa yang terpenting sekali dalam menentukan sesebuah negara itu ialah kemampuan mengadakan hubungan dengan negara-negara lain di dunia. Sebagai contoh, Israel telah menjadi anggota Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dalam bulan Mac 1949 sekalipun batas wilayahnya belum ditentukan dengan jelas.

Selain daripada itu kemerdekaan juga merupakan kriteria dalam pengukuran antarabangsa. Ianya sebagai asas kepada adanya kuasa di dalam mengadakan hubungan dengan negara-negara lain. Apa yang dimaksudkan dengan kemerdekaan itu ialah hak dan kuasa untuk memerintah hal ehwal dalam dan luar negeri dengan sendiri tanpa ada campur tangan dari kuasa lain.

Sebagai kesimpulannya, dapatlah dikatakan bahawa negara itu ialah suatu yang terdiri daripada rakyat, wilayah pemerintahan dan kemerdekaan serta bebas melakukan hubungan dengan negara-negara luar.

¹ Lihat Ibn. Khaldun, Muqaddimah, (Mesir : Maktabah al-Tijariyyah al-Kubra, t.t), hlm. 41.

² Lihat F. Isjwara S.H., Pengantar Hukum Antarabangsa, terjemahan, (Bandung : Penerbit C.V. Alumni, 1968), hlm. 48.

1.2 Definisi Negara Islam

Menurut Muhammad Assad,¹ beliau mengatakan bahawa, "...negara Islam adalah sebuah negara di mana perlembagaannya memuatkan ajaran sosio politik Islam serta semua hukum shari'at yang berhubung dengan kepentingan umum berupa dasar yang tidak dapat diganggu gugat dari semua perundangan negara".

Menurut ^cAbdul Qadir ^cAudah, negara itu dikatakan negara Islam apabila kaum muslimin berkemampuan menegakkan hukum Islam.² Juga dikatakan negara itu negara Islam, apabila penduduknya terdiri daripada orang-orang Islam atau sebahagian besarnya orang Islam ataupun negeri itu tunduk di bawah kedaulatan Islam, biarpun sebahagian besar penduduknya bukan Islam.

Oleh kerana itulah asas pengukuran negara mengikut konsep Islam, maka dalam konteks negara yang ada pada hari ini tidaklah ada sebuah negara yang benar-benar dikatakan negara Islam. Apa yang lebih menampakkan kepada kita, negara yang ada pada hari ini ialah negara yang diperintah oleh orang-orang Islam tetapi menggunakan undang-undang yang bukannya undang-undang Islam.

Inilah yang menjadi kekeliruan sebahagian besar umat Islam yang meletakkan kriteria masyarakat sebagai ukuran negara Islam dan bukannya kepada undang-undang. Pada anggapan mereka negara-negara Arab, Indonesia dan Malaysia adalah negara Islam kerana diperintah oleh orang Islam. Dalam hal ini perlu ditegaskan, bahawa majoriti dan minoriti bukanlah menjadi ukuran

¹ Lihat Muhammad Assad, Asas-asas Negara Dan Pemerintahan Islam, terjemahan, (Jakarta : 1964), hlm. 2.

² Lihat ^cAbdul Qadir ^cAudah, Al-Tashri' al-Jinai al-Islami, Jilid 1, Cetakan ke 2, Dar al-^cUrubah, hlm. 275.

dalam menentukan negara itu Islam atau tidak, tetapi undang-undang dan perlembagaannya yang menjadi ukuran mutlak.

Berhubung dengan negara Islam, al-Quran mahupun al-Sunnah tidaklah menyebut dengan tepat bagaimana bentuk pemerintahan negara Islam. Apa yang ditegaskan ialah dasar negara Islam, di mana ia seharusnya berdasarkan kepada aqidah, syura dan ukhuwwah Islamiyyah. Tetapi yang paling pokok ialah satu kesatuan yang dibuat oleh negara Islam itu, mempunyai dasar undang-undang dan undang-undang itu mestilah berjalan meliputi daerah-daerah dan negeri-negeri di dalam daerah kekuasaannya. Itulah yang dikatakan Negara Islam.

1.3 Ciri-ciri Negara Islam

Terdapat tiga ciri penting di dalam menegakkan negara Islam, iaitu kewujudan shari'at Islam yang dipatuhi dan ianya didokong oleh ummah serta dinaungi oleh pemerintah.¹ Shaari'at Islam wajib menjadi dasar pemerintahan negara. Perlembagaan dan segala urusan pemerintahan hendaklah diasaskan kepada shari'at tersebut. Dalam hal ini Allah berfirman :²

"فَلَا وَرَبِّكَ لَا يُؤْمِنُونَ حَتَّىٰ يَحْكُمُوا بِمَا
شَرَّ بَيْنَهُمْ ثُمَّ لَا يَجِدُوا فِي أَنفُسِهِمْ حَرَجًا
مِّمَّا قَضَيْتَ وَيَسْأَلُوا تَسْلِيمًا."

"Maka demi Tuhanmu mereka tidak beriman sehinggalah mereka menjadi kamu (Muhammad) hakim terhadap perkara yang mereka perselisihkan kemudian mereka tidak merasa dalam hati mereka sesuatu keberatan terhadap keputusan yang kamu berikan dan mereka menerima dengan sepenuhnya".

Mereka mestilah patuh kepada apa yang diturunkan oleh Allah melalui rasulNya menepati fitrah manusia. Di dalam perkara yang tidak dapat dicapai oleh fikiran manusia, sesuatu hukum itu ditetapkan secara qati' . Sebaliknya dalam perkara yang dapat dikaji dengan akal, maka diberikan dasar-dasar umum serta dinyatakan batas-batas agar manusia tidak terlanjur dengan akalnya semata-mata.

Negara Islam yang ditegakkan itu adalah di atas dasar membebaskan manusia dari pengabdian sesama makhluk kepada hanya mengabdikan diri kepada Allah. Apabila dasar pengabdian diri hanya kepada Allah dijunjung di dalam negara itu, maka berlakulah keadilan sejagat. Maka tiada manusia yang dianggap istimewa dalam melaksanakan undang-undang kepadanya.

¹ Lihat Haji ^cAbdul Hadi Awang, Konsep Negara Islam Dan Matlamatnya, (Kuala Lumpur : Pejabat Setiausaha Agung Pas, 1988), hlm. 5.

² Al-Quran, Surah Syura : ayat 21.

Di samping itu mereka yang menjadi pendokong negara Islam mempunyai sifat amar ma^ʿruf nahi mungkar, beriman kepada Allah serta menerima konsep kesatuan ummah di mana mereka mesti menegakkan hukum Allah kepada manusia seluruhnya tanpa mengira bangsa, warna kulit dan agama.

Sifat yang tersebut di atas menunjukkan kepada kita bahawa pemerintah dalam negara Islam bukanlah mereka yang memegang teraju pemerintahan menurut kemahuan sendiri serta melakukannya dengan sewenang-wenangnya tetapi memikul kewajiban dan tanggungjawab yang berat yang menjadi sifat dan tanda sesuatu pemerintahan itu Islam ataupun tidak.

Oleh kerana itu pemerintah mestilah menegakkan hukum Allah dengan seadil-adilnya dan menyelesaikan masalah umat dengan hukum Allah bukan dengan hukum ciptaannya. Pemerintah wajiblah menunaikan amanah Allah serta menyampaikan amanah kepada yang berhak sebagaimana ia menyuruh kakitangan dan pegawainya bersifat amanah.

Dalam negara Islam pemerintah menghormati pandangan rakyat. Rakyat dalam negara Islam mempunyai hak penilaian terhadap pemerintah serta hak dalam memberi pandangan yang baik, samada secara individu atau melalui wakil dalam majlis Syura. Oleh sebab itulah pelaksanaan Syura menjadi kewajiban pemerintah.

1.4 Perlembagaan Negara Islam

Pembentukan kerajaan melalui suatu sistem yang baik akan memberikan kebebasan dan melahirkan kemajuan di kalangan rakyat. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan rakyat hidup dalam kesengsaraan dan mereka akan dizalimi. Untuk mengelakkan keadaan seumpamanya itu terjadi, maka suatu peraturan khusus perlu diwujudkan supaya dapat dipastikan hubungan kerajaan dan rakyat berjalan dengan baik dan supaya kuasa kerajaan dapat dikawal untuk kepentingan seluruh masyarakat dan rakyat. Inilah yang dinamakan perlembagaan.

Apabila kita memperkatakan tentang perlembagaan, maka kita tidak boleh mengasingkannya dengan undang-undang. Perlembagaan dan undang-undang telah berkembang secara serentak sejak beberapa kurun dan masing-masing banyak bergantung di antara satu sama lain. Oleh itu perlembagaan berkembang dalam daerah hukum yang digariskan oleh undang-undang. Manakala undang-undang pula dibentuk mengikut proses yang digariskan oleh perlembagaan.

1.4.1 Undang-undang Dasar Negara Islam

Dalam Islam, undang-undang dan perlembagaan dirangkumkan menjadi satu di bawah istilah 'Shari'at Islam'.¹ Oleh sebab itu apabila dikatakan pemerintahan Islam, maka ianya tidak dapat tidak merujuk kepada satu pemerintahan yang mana undang-undang dasarnya ialah Shari'at Islam. Dalam shari'at tersebut, terdapat kumpulan hukum-hukum syara' yang berhubung dengan soal ibadat, muamalat, jenayah dan lain-lain yang bertujuan untuk mengatur kehidupan ummah. Seterusnya undang-undang ini adalah bertujuan untuk kemaslahatan hidup manusia di dunia dan akhirat.

¹ Lihat Muhammad Hamidullah, The Muslim Conduct of State, Cetakan ke 6, (Lahore : 1968), blm. 4.

Undang-undang yang disebutkan tadi bersumberkan al-Quran, al-Sunnah, Ijma^c dan Qias. Walau bagaimanapun di antara sumber-sumber yang disebutkan tadi, yang menjadi asasnya ialah al-Quran dan al-Sunnah. Manakala segala pendapat, sejarah dan amalan serta adat adalah diterima jika tidak bercanggah dengan al-Quran dan al-Sunnah apabila ia memenuhi syarat-syaratnya.

Maka sekarang jelaslah kepada kita bahawa rujukan utama dalam Islam ialah al-Quran yang mengandungi hukum suruhan dan larangan disamping al-Sunnah di mana Rasulullah berperanan sebagai orang yang menerangkan arahan-arahan al-Quran secara praktikal supaya diikuti oleh seluruh ummah.

1.4.2 Prinsip Pemerintahan Islam

Apabila kita membincangkan mengenai perlembagaan negara Islam maka kita akan melihat dua teori kedaulatan undang-undang di dalam Islam dari dua sudut iaitu asas teori dan sudut isi dan bentuk.¹

Dari sudut asas teori, kita dapati kerajaan Islam mempunyai perlembagaan bertulis serta kaedah-kaedah yang pasti iaitu al-Quran. Oleh kerana perlembagaan itu sumbernya semata-mata ketuhanan, maka ianya tidaklah disampaikan kepada manusia begitu sahaja, tetapi ia dibawa oleh Rasul kepada mereka.

Tugas rasul ialah melaksanakan secara amali kaedah-kaedah perlembagaan al-Quran di kalangan umatnya supaya ia dapat difahami dan dilaksanakan oleh manusia. Atas dasar ini, maka mana-mana kuasa dalam kerajaan Islam tidaklah boleh terkeluar dari kaedah yang ditetapkan oleh al-Quran dan sehingga Rasulullah sendiri yang bertugas menyampaikan dan menjelaskan secara praktikal kaedah-kaedah al-Quran itu sendiri, pun tidak boleh berbuat demikian.

¹ Lihat Dr. Abu al-Ma^cati Abu al-Futuh, Sistem Pemerintahan Dalam Islam, terjemahan : Md. Akhir Hj. Yaacob, (Kuala Lumpur : Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1986), hlm. 11.

Objektif kaedah-kaedah perlembagaan dalam al-Quran adalah semata-mata untuk kebaikan manusia. Oleh itu apabila dikaji method al-Quran didapati ianya menyelesaikan masalah ini dengan kaedah-kaedah yang umum supaya orang-orang Islam dapat menghadapi suasana masa dan tempat yang sentiasa berubah. Apa yang penting ialah melaksanakan kaedah keadilan, persamaan dan Syura. Tentang bagaimana caranya untuk dilaksanakan, maka ia menjadi tanggungjawab orang-orang Islam untuk menyelesaikannya.

Dari segi kaedah perlembagaan Islam, asas-asas utama yang ditekankan ialah mengenai kebebasan, keadilan, persamaan, keamanan individu serta hak-hak politik, masyarakat dan ekonomi. Kaedah ini telah diisytiharkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pada 20hb Disember 1984 sebagai hak asasi manusia, sesungguhnya dasar yang diperjuangkan oleh manusia itu telah diisytiharkan oleh Islam 14 Kurun yang lampau. Dasar-dasar ini akan dibincangkan secara terperinci di dalam bab yang kedua.

1.4.3 Perlembagaan Madinah Sebagai Asas Perlembagaan Islam

Sejarah telah membuktikan bahawa sebelum tertegaknya negara Islam Madinah pada tahun 1 Hijrah belum ada satu negara pun yang mempunyai perlembagaan bertulis seperti yang dibuat oleh Rasulullah. Perlembagaan Madinah merupakan perlembagaan bertulis yang pertama sekali di dunia.¹ Perlembagaan Madinah ini sangat penting ertinya untuk menetapkan suatu bentuk negara Islam dan boleh dijadikan sebagai ukuran dalam pembentukan negara Islam yang lain.

¹ Lihat Dr. Ahmad Ibrahim Sharif, Daulah al-Rasul Fi al-Madinah, (Kuwait : Dar al-Bayan, 1972), hlm. 89.

Menurut Hamidullah,² antara lain perlembagaan ini ditulis adalah bertujuan untuk menentukan hak-hak dan kewajiban Rasulullah dan penduduk setempat, mengatur kehidupan orang Muhajirin, mewujudkan persefahaman dengan orang-orang Yahudi, mengatur kesatuan politik dan pertahanan Madinah serta memberi pampasan kepada orang-orang Muhajirin yang kehilangan harta dan anggota keluarga di tangan orang-orang Quraisy Mekah.

Perkara yang paling utama dalam perlembagaan ini ialah mengenai dasar pembentukan ummah. Rasulullah telah membawa umatnya berpindah dari slogan qabilah kepada slogan 'ummah', yang menerima masuk sesiapa sahaja yang memeluk agama Islam. Ini jelas tercatat di dalam perlembagaan bahawa mereka itu "adalah ummah yang satu".

Mengenai kuasa pentadbiran, perlembagaan ini menyatakan bahawa kuasa tertinggi ialah Allah dan RasulNya. Ini bermakna dalam pentadbiran keadilan, Rasulullah dianggap sebagai tempat rujukan yang terakhir.

² Lihat Hamidullah, The First Written Constitution In The World, (Lahore : Sh. Mohammad Ashraf, 1975), hlm. 15.

Menurut Prof. Ahmad Ibrahim,¹ di dalam perlembagaan Madinah terdapat beberapa prinsip umum negara menurut keperluan semasa ketika itu antara lainya menjadikan al-Quran dan al-Sunnah sebagai sumber hukum negara, kesatuan ummah dan kedaulatan negara, kebebasan, hak dan tanggungjawab rakyat terhadap negara, berhubung dan bantu membantu sesama warganegara serta kebebasan beragama.

Daripada bentuk perlembagaan Islam yang telah dijelaskan di atas, maka kita dapati begitu jelas dan nyata perbezaannya dengan perlembagaan negara moden hari ini. Mereka meletakkan dasar perlembagaan itu kepada akal fikiran manusia semata-mata dengan melihat kepentingan semasa. Sebaliknya perlembagaan negara Islam khususnya perlembagaan Madinah hanyalah suatu dokumen bertulis sebagai tempat sandaran. Ianya berpandukan kepada sumber asal iaitu wahyu Allah sebagai perintah yang hakiki.

¹ Prof. Ahmad Ibrahim, Piagam Madinah Pandangan Dan Ulasan, (Kuala Lumpur : Gelanggang Kreatif, 1985), hlm. 24.

1.5 Keistimewaan Undang-undang Islam

Menurut Syed Sabiq,¹ keistimewaan undang-undang Islam itu disebabkan kesempurnaannya, kemudahan, murunah dan tujuannya. Undang-undang itu dikatakan sempurna kerana ia mampu memenuhi keperluan dalam semua aspek kehidupan manusia. Allah berfirman :²

”..... وَنَزَّلْنَا عَلَيْكَ الْكِتَابَ تَبْيِينًا لِكُلِّ شَيْءٍ
وَهُدًى وَرَحْمَةً وَبُشْرَى لِّلْمُسْلِمِينَ .”

"Kami turunkan kepada engkau Kitab (al-Quran) untuk menerangkan tiap-tiap sesuatu dan menjadi petunjuk dan rahmat serta khabar gembira bagi orang-orang Islam".

Shari'at Islam menggabungkan antara dunia dan akhirat dan ini merupakan satu sebab mengapa orang Islam harus melaksanakan hukum tersebut baik di waktu sepi mahupun di waktu ramai, di waktu senang mahupun di waktu susah, sebagai pengakuan mereka beriman kepada Allah.

Oleh sebab itu hukum yang terkandung dalam shari'at Islam tidak boleh dibeza-bezakan dan tidak boleh dipisahkan kerana cara demikian tidak dapat mencapai apa yang dimaksudkan oleh shari'at. Bahkan nas hukum itu sendiri tidak mengizinkan ianya dipakai sebahagian dan dibuangkan sebahagian yang lain kerana Allah tidak memperkenankan seseorang beriman terhadap sebahagian rukun dan kufur terhadap rukun yang lain.³

¹ Lihat Syed Sabiq, Anasir al-Quwwah fi al-Islam, Cetakan ke 2, (Lebanon : Dar al-Kitab al-^cArabia, 1973), hlm. 170.

² Al-Quran, Surah al-Nahl : ayat 89.

³ Lihat Prof. Ahmad Ibrahim, Perundangan Islam : Dasar, Matlamat, Dan Perlaksanaan di Malaysia, (Kuala Lumpur : Islamic Research Institution, 1981), hlm. 5.

Firman Allah dalam al-Quran :¹

”..... أَفَتُؤْمِنُونَ بِبَعْضِ الْكِتَابِ وَتَكْفُرُونَ بِبَعْضٍ
فَمَا جَزَاءُ مَنْ يَفْعَلُ ذَلِكَ مِنْكُمْ إِلَّا خِزْيٌ فِي الْحَيَاةِ
الدُّنْيَا وَيَوْمَ تُرَدُّونَ إِلَىٰ أشدِّ الْعَذَابِ“

"Apakah kamu akan beriman kepada sebahagian isi Kitab dan kufur terhadap sebahagian yang lain. tiada lain balasan orang yang berbuat demikian daripada kamu kecuali kehinaan dalam hidup di dunia dan di hari Qiamat akan dihalau kepada siksa yang sangat pedih".

Shari'at Islam yang lengkap dan sempurna ini adalah mudah dan senang untuk manusia memahaminya dan mempraktikkannya. Firman Allah :²

”... يريد الله بكم اليسر ولا يريد بكم العسر“

"Allah mengkehendaki kemudahan bagimu dan tiada mengkehendaki kesukaran".

Shari'at Islam adalah bersifat murunah (anjali) kerana ia datang bukan untuk sementara waktu tetapi ia didatangkan untuk sepanjang zaman sehingga berakhirnya bumi ini.³ Undang-undang ini tidaklah berubah dengan sebab berubahnya masa, maka ia tidak perlu diperbaharui dan diganti seperti undang-undang ciptaan manusia. Sifat universalnya dapat dipakai untuk menentukan hukum terhadap masalah yang baru, sekalipun hal itu tidak terjadi.

¹ Al-Quran, Surah al-Baqarah : ayat 85.

² Al-Quran, Surah al-Baqarah : ayat 185

³ Prof. Ahmad Ibrahim, Perundangan Islam ; Dasar Matlamat Dan Perlaksanaan di Malaysia, hlm. 9.